

Kemapanan Kaedah 'Adad wa Ma'dud Bahasa Arab dalam Hadith Sahih Bukhari

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 44-62
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 3 December 2024
Accepted: 26 December 2024
Published: 19 January 2025

[The Stability of The 'Adad wa Ma'dud Method in Arabic Grammar within Sahih Bukhari Hadiths]

Fatimah Az Zahra Hamka¹ & Hakim Zainal^{1*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan MALAYSIA, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: p137181@siswa.ukm.edu.my; haza@ukm.edu.my

*Corresponding Author: haza@ukm.edu.my

Abstrak

'Adad wa Ma'dud merupakan satu tajuk tatabahasa yang asas dalam nahu bahasa Arab dan ia mempunyai keistimewaan dan ciri-cirinya yang tersendiri. Beberapa kajian telah mencadangkan pendekatan menerapkan pengajaran topik 'Adad wa Ma'dud dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Justeru itu, kertas ini memilih alternatif yang berbeza iaitu meneliti kemapanan kaedah 'Adad wa Ma'dud bahasa Arab dalam hadith Sahih Bukhari. Kertas kerja ini berbentuk kajian kualitatif dengan data utamanya diperoleh melalui analisis teks kepustakaan. Hasil dapatan kajian mendapati hadith Sahih Bukhari mempunyai data yang mencukupi, iaitu sebanyak 105 jenis sampel berkaitan 'Adad wa Ma'dud berjaya dikumpul dalam kajian ini. Keseluruhan bahagian 'adad yang dibincangkan dalam kajian ini mempunyai padanan seperti yang terdapat dalam tatabahasa Arab. Kekerapan jenis 'adad yang paling banyak ditemui adalah 'adad mufrad, diikuti oleh 'adad murakkab, 'adad 'uqud dan 'adad ma'tuf. Kajian juga mencadangkan agar para pelajar menghafal satu contoh matan hadith sahih Bukhari dalam setiap bahagian 'adad sebagai panduan. Penulisan ini diharapkan dapat membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam tajuk ini disamping dapat menambah ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian hadith.

Kata kunci: 'adad, ma'dud, bahasa Arab, hadith, Sahih Bukhari

Abstract

'Adad wa Ma'dud is a fundamental topic in Arabic grammar, with its own distinct characteristics and significance. Several studies have suggested using Quranic verses as a teaching approach for this topic. However, this paper adopts a different alternative by examining the stability of the 'Adad wa Ma'dud method in Arabic grammar through the hadiths of Sahih Bukhari. This study is qualitative in nature, with primary data obtained through textual analysis of library resources. The findings reveal that Sahih Bukhari provides sufficient data, with 105 types of examples related to 'Adad wa Ma'dud identified in this research. The study confirms that all categories of 'adad discussed align with the structures found in Arabic grammar. The most frequently observed category is 'adad mufrad, followed by 'adad murakkab, 'adad 'uqud, and 'adad ma'tuf. The study also suggests that students memorize one example of a Sahih Bukhari hadith text for each category of 'adad as a practical guide. This paper aims to assist students in improving their understanding of this topic while enriching their knowledge in the field of hadith studies.

Keywords: 'Adad, Ma'dud, Arabic Language, Hadith, Sahih Bukhari.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Fatimah Az Zahra Hamka & Hakim Zainal. (2025). Kemapanan Kaedah 'Adad wa Ma'dud Bahasa Arab dalam Hadith Sahih Bukhari [The Stability of The 'Adad wa Ma'dud Method in Arabic Grammar within Sahih Bukhari Hadiths]. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 8(1): 44-62.

Pengenalan

Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan hadith, mempunyai keunikan tersendiri yang melibatkan pelbagai kaedah linguistik, termasuklah kaedah 'adad wa ma'dud. Kaedah ini merujuk kepada penggunaan bilangan ('adad) dan perkara yang dihitung (ma'dud). 'Adad wa ma'dud merupakan salah satu topik penting dalam bahasa Arab, dan ia dibahas dalam semua kitab Nahu Arab, sama ada yang klasik atau moden dengan mengkhususkan satu bab yang membincangkan topik ini (M Hussin, 2010). Ibn 'Aqil adalah salah satu ulama Nahu yang membincangkan bab khusus dalam kitab karangan beliau, iaitu "Al-'Adad" (Muhammad Muhyiddin, 1980). Selain itu, Ibn Malik turut mengkhususkan satu bab yang dinamakan "Bab Al-Adad" dalam kitab "Syarah Al-Tashil" (Jamaluddin Muhammad, 1990) dan "Al-'Adad" dalam kitab "Syarah Alfiah" (Muhammad, t.th.). Beberapa kitab Nahu Arab moden juga mempunyai tajuk khusus yang membincangkan tentang 'Adad wa ma'dud seperti kitab "Nahu Al-Wafi" (Abbas, t.th.), "Nahu Asasi" (Ahmad et al. 1994) dan "Nahu 'Arabi Al-Ahkam" (Fadhil, 2014).

Berdasarkan tatabahasa Melayu, 'adad dinamakan kata bilangan dan ia berfungsi sebagai penjelasan jumlah kepada frasa nama (Nik Safiah et al. 2011). Kata bilangan dalam bidang pengiraan yang melibatkan angka dan nombor berperanan penting dalam kehidupan seharian manusia (Che Ku Nor Asiah et al. 2019). Antara kepentingan mempelajari kaedah 'adad wa ma'dud adalah kerana ia menjadi satu kegunaan dalam urusan harian seperti pengenalan diri dan keluarga, bertanyakan harga serta proses pengajaran dan pembelajaran (Nurazizah & Harun, 2016).

Sumber rujukan utama dalam Islam seperti al-Quran dan Hadith boleh dijadikan suatu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kaedah 'adad wa ma'dud. (Mohamad Hussin & Mohd Sukki Othman, 2018) dalam kajiannya menemui dapatan yang menyokong pendekatan menerapkan ayat-ayat al-Quran dalam pembelajaran kaedah 'adad wa ma'dud mengikut jenis-jenisnya. Ayat-ayat yang mengandungi sebarang lafaz 'adad dikeluarkan daripada keseluruhan juzuk al-Quran dan terdapat kekerapan berlaku dalam pengulangan 'adad dan semua jenis 'adad serta pelengkapannya. Manakala kajian Mohamad (Hussin & Marosadee, 2019) serta (Ismail et al. 2021) menunjukkan bahawa penggunaan modul berpandukan ayat al-Quran mampu mengatasi kekeliruan pelajar dalam mengenal pasti kedudukan 'adad wa ma'dud, dengan mengemukakan pengkategorian baru berdasarkan persamaan jenis 'adad untuk meningkatkan penguasaan i'rab dan memudahkan aplikasi pembelajaran. Menurut (Mohd

Zulkifli et al. 2015) al-Quran adalah sumber terbaik bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Ini kerana, ayat-ayat al-Quran mudah dihafal dan dapat digunakan ketika mempelajari bahasa Arab.

Selain itu, hadith juga merupakan salah satu sumber rujukan utama dalam Islam yang mengandungi banyak contoh penggunaan kaedah *'adad wa ma'dud*. Dalam hadith sahih Bukhari, terdapat beberapa riwayat yang menyebut tentang bilangan seperti bilangan rakaat dalam solat, bilangan hari berpuasa, bilangan para sahabat yang terlibat dalam peperangan, bilangan orang yang diberi ganjaran mahupun hukuman serta pelbagai jenis lain yang melibatkan angka. Sebagai contoh, dalam kitab *jumu'ah* sahih Bukhari telah menyebut mengenai pelaksanaan solat *tahiyatul* masjid dua rakaat ketika khutbah berlangsung iaitu **فَمُ قُمْ فَصَلِّ رَكَعَتَيْنِ** yang bermaksud "Berdiri dan solatlah dua rakaat" (Ibnu Hajar, t.th.). Ini adalah contoh *'adad wa ma'dud* yang digunakan untuk memberi penjelasan tentang rakaat solat. Melalui pembelajaran kaedah *'adad wa ma'dud* dalam hadith Sahih Bukhari, pelajar dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai hadith, serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap tatabahasa dan bahasa Arab secara keseluruhan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis teks terhadap Hadith Sahih Bukhari. Dalam kajian ini kaedah kepustakaan digunakan sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data yang tepat. Kajian kepustakaan dipilih kerana tajuk kajian ini memerlukan kepada pengumpulan maklumat dan data yang diperolehi dari perpustakaan. Sebarang maklumat, fakta dan data berkaitan tajuk dikumpulkan daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku-buku, tesis, jurnal dan artikel.

Proses pengumpulan data kajian ini dimulakan dengan mencari kata kunci *'adad*, bermula dengan *'adad mufrad*, *'adad murakkab*, *'adad 'uqud* dan seterusnya *'adad ma'tuf* dalam Maktabah Syamilah (Abu Abdullah, 2012). Kajian ini difokuskan kepada hadith-hadith yang terdapat dalam Sahih Bukhari sahaja. Selain itu, kajian juga memberi tumpuan kepada keseluruhan bab dalam kitab, seperti Kitab Adab, Kitab Solat, Kitab Puasa dan lain-lain, untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah menyeluruh dan berkaitan dengan topik yang dikaji. Dalam proses penganalisan data ini, pengkaji hanya membataskan kepada ayat-ayat yang terdapat *'adad* serta *ma'dud* di dalamnya sahaja. Hasil dapatan yang ditemui adalah sebanyak 105 sampel iaitu 61 jenis *'Adad mufrad* (واحد hingga عشرة) dan 10 jenis *'Adad mufrad* (مائة). Jenis *'adad* lain seperti *'Adad murakkab* dikesan sebanyak 15 kali penggunaan, *'Adad 'uqud* sebanyak 15 kali penggunaan dan *'Adad ma'tuf* sebanyak 4 kali penggunaan sahaja.

Analisis dilakukan terhadap ayat-ayat yang mengandungi perkataan *'adad*, yang meliputi semua jenis *'adad*, sama ada *'adad mufrad*, *'adad murakkab*, *'adad 'uqud*, dan *'adad ma'tuf*, mengikut pendekatan yang digunakan oleh Ibnu Malik dalam kitab karangan beliau iaitu *Syarah Alfiah* (Muhammad, t.th.) dan *Dalil al Salik Alfiah* (Abdullah, 1995). Tujuan analisis ini adalah untuk memastikan terdapat jumlah data yang mencukupi daripada sumber kajian, agar ia dapat dijadikan asas yang kukuh dalam pembinaan kajian ini. Dalam menganalisis lafaz *'adad* ini, pendekatan yang diambil adalah dengan mencari kekerapan penggunaan *'adad* dalam hadith sahih bukhari mengikut jenis-jenis *'adad*.

Analisis Kajian

Pengertian 'Adad wa Ma'dud

Menurut (Rohman, 2017) 'Adad merupakan kata yang digunakan untuk menunjukkan bilangan sesuatu atau susunannya. Ma'dud pula menunjukkan sesuatu perkara yang dihitung (Dayf 1986) dalam (M Hussin & M Sukki, 2018).

Menurut ahli bahasa, 'adad adalah sesuatu yang samar dan kesamarannya dapat dihilangkan dengan *tamyiz* iaitu *ma'dud* ('Abbas Hasan, t.th.) dalam (M Hussin & M Sukki, 2018). Ini menunjukkan 'adad dan *ma'dud* mempunyai keterikatan antara satu sama lain untuk menjelaskan kesamaran dan menentukan makna yang ingin disampaikan (M Hussin & M Sukki, 2018). 'Adad ialah kata nama yang memiliki sifat kesamaran kerana ia digunakan untuk menghitung semua perkara selain daripada dirinya (Barakat, 2007) dalam (M Hussin & M Sukki, 2018).

Para ahli nahu telah membahagikan 'adad kepada beberapa kategori. Terdapat beberapa perbezaan antara ahli nahu dalam pembahagian 'adad serta penamaan kategori-kategori ini (Asiah & Ibrahim, 2018). 'Adad dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua, iaitu 'adad *asliy* dan 'adad *tartibiy*. 'Adad *asliy* adalah 'adad yang digunakan untuk menyatakan jumlah. Adapun 'adad *tartibiy* adalah 'adad yang digunakan untuk menyatakan susunan *ma'dud* (El Dahdah, 2001) dalam (Rohman, 2017). Kemudian, kedua-dua jenis 'adad ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu 'adad *mufrad*, 'adad *murakkab*, 'adad *uqud* dan 'adad *ma'tuf* (Abdullah Ibnu, t.th.).

Jenis-jenis 'Adad

Berikut adalah jenis-jenis 'adad wa ma'dud mengikut pendekatan Ibnu Malik dalam kitab karangan beliau iaitu *Syarah Alfiah* dan *Dalil al-Salik Alfiah*.

'Adad Mufrad

'Adad *Mufrad* adalah kata bilangan yang kosong daripada (*تركيب*) *tarkib* dan (*عطف*) *athaf* iaitu bilangan واحد (satu) sehingga عشرة (sepuluh), bilangan antara ثلاثة (tiga) sehingga تسعة (sembilan), مائة (seratus) dan ألف (seribu). Sebahagian ulama' Nahu Arab menamakannya sebagai عدد مضاف ('Adad *Mudhaf*) kerana ia dapat disandarkan kepada *Tamyiz* atau *Ma'dud*, selain bilangan واحد (satu) dan اثنان (dua).

Bilangan Satu dan Dua

Mudhakkar		Mu'annath	
'Adad	Ma'dud	'Adad	Ma'dud
واحد	رجل	واحدة	امرأة
اثنان	رجلان	اثنتان	امرتان

Dari aspek gender dan bilangan, *isim 'adad* yang menunjukkan jumlah satu dan dua perlu selari dengan *ma'dudnya*. Jika *isim 'adad* (bilangan) menunjukkan *mudhakkar* (jenis lelaki), maka ia perlu ditulis tanpa huruf "ta". Contohnya, **وَاحِدٌ** (satu) dan **اِثْنَانٍ** (dua). Jika *isim 'adad* menunjukkan *mua'nnath* (jenis perempuan), ia perlu disertakan dengan huruf "ta". Contohnya, **وَاحِدَةٌ** (satu) dan **اِثْنَانٍ** (dua).

Isim 'adad **واحد** dan **اثنان** tidak disebutkan bersama *ma'dudnya* dengan mendahulukan *isim 'adad*. Contoh yang tidak tepat adalah: **اِثْنَانِ رَجُلٍ** (dua orang lelaki). Hal ini kerana, lafaz *isim 'adad* itu sendiri telah menunjukkan jenis dan bilangannya, jadi ia perlu mengikut susunan yang betul.

Namun begitu, *isim 'adad* boleh disebut selepas *ma'dudnya*, dengan syarat ia dijadikan sebagai *na'at* (sifat). Contohnya, **جَاءَ رَجُلٌ وَاحِدٌ** (datang seorang lelaki) dan **جَاءَتْ امْرَأَةٌ وَاحِدَةٌ** (datang seorang perempuan).

Bilangan Tiga hingga Sepuluh

Isim 'adad (kata bilangan) untuk tiga hingga sepuluh apabila diikuti oleh *ma'dud* (kata nama yang dihitung), *ma'dudnya* perlu dalam bentuk *jama' qillah* yang berfungsi sebagai *tamyiz* (penjelasan bilangan). *Ma'dud* ini dibaca dengan tanda *jar* kerana ia menjadi *mudhof ilaih*. Bentuk-bentuk penggunaannya adalah seperti berikut:

<i>Mudhakkar</i>		<i>Mu'annath</i>	
Ma'dud	'Adad	Ma'dud	'Adad
بَنَاتٍ	سِتٌّ	رِجَالٍ	ثَلَاثَةٌ
أَخَوَاتٍ	خَمْسٌ	أَقْلَامٍ	عَشْرَةٌ

Apabila *ma'dudnya* adalah *mudhakkar*, *isim 'adad* disertakan dengan huruf "ta" seperti **عِنْدِي ثَلَاثَةُ رِجَالٍ** (Di sisiku ada tiga orang lelaki). Manakala, apabila *ma'dudnya* adalah *mua'nnath*, *isim 'adad* tidak perlu disertakan dengan huruf "ta" seperti **فَامَتْ خَمْسٌ أَخَوَاتٍ** (Telah berdiri lima saudara perempuan).

Dalam penentuan samaada *ma'dud* adalah *mudhakkar* (lelaki) atau *mu'annath* (perempuan), perlu dilihat adalah bentuk kata nama tersebut apabila ia berada dalam keadaan *mufrad* (*singular*), bukannya dalam keadaan *jamak* (*plural*). Sebagai contoh, dalam frasa **خَمْسَةٌ حَمَامَاتٍ** (lima bilik mandi), walaupun kata nama "حَمَامَاتٍ" (bilik mandi) adalah dalam bentuk *jamak* dan ia adalah *mu'annath* (perempuan), penentuan sifat *mudhakkar* atau *mu'annath* tetap merujuk kepada bentuk *mufrad* (*singular*) kata nama tersebut, iaitu **حَمَامٍ** (bilik mandi) yang merupakan *mudhakkar* (lelaki).

Oleh itu, penggunaan *'adad mu'annath* **خَمْسَةٌ** (lima) dalam frasa tersebut adalah betul dari segi aspek tatabahasa Arab. Ini kerana, walaupun "حَمَامَاتٍ" adalah *mu'annath* dalam bentuk *jamak*, namun kata nama tersebut dalam bentuk *mufradnya* adalah *mudhakkar*. Ini menunjukkan bahawa penentuan jantina *isim 'adad* (kata bilangan) mestilah berdasarkan bentuk *mufrad* kata nama yang dikira.

Bilangan مائة dan ألف

Isim 'Adad (kata bilangan) مائة (seratus) dan ألف (seribu) dalam bahasa Arab mempunyai beberapa ketetapan khusus apabila digunakan dalam ayat. Antaranya, *ma'dud* mesti dalam bentuk *mufrad* dan dibaca dalam *i'rab majrur* sebagai *mudhof ilaih* seperti "عِنْدِي مِائَةٌ رَجُلٍ وَأَلْفٌ" yang bermaksud (Disisiku ada seratus lelaki dan seribu dirham).

<i>Mudhakkar</i>		<i>Mu'annath</i>	
Ma'dud	'adad	Ma'dud	'adad
رَجُلٍ	مِائَةٌ	دَجَاجَةٍ	مِائَةٌ
دِرْهَمٍ	أَلْفٌ	وَرَقَةٍ	أَلْفٌ

'Adad Murakkab

'Adad Murakkab adalah kata nama untuk bilangan yang terdiri daripada gabungan dua angka menjadi satu dengan susunan *Tarkib Mazji*. Ini merujuk kepada bilangan daripada *أحد عشرة* (sebelas) hingga *تسعة عشرة* (sembilan belas).

Ia terdiri daripada dua bahagian utama, bahagian pertama disebut sebagai '*nayf*' dan bahagian kedua disebut sebagai '*iqdu*'. Dalam bahasa Arab, '*adad murakkab* sentiasa mendahului kata yang dihitung (*ma'dud*), dan kedua-dua bahagian '*adad* ini kekal dibaca dengan baris atas (*fathah*) dan menjadikannya *mabniy 'ala fath* dalam kedua-dua bahagian.

Bilangan اثنا عشر dan أحد عشر

'Adad *اثنا عشر* dan *أحد عشر* sentiasa selari dengan *ma'dud* dari segi gender.

<i>Mudhakkar</i>		<i>Mu'annath</i>	
Ma'dud	'adad	Ma'dud	'adad
كُوكِبًا	أَحَدَ عَشَرَ	امْرَأَةً	أَحَدَى عَشْرَةَ
رَجُلًا	اثْنَا عَشَرَ	امْرَأَةً	اثْنَتَا عَشْرَةَ

Bilangan تسعة عشر hingga ثلاثة عشر

Bahagian '*nayf*' (ثلاثة – تسعة) dalam '*adad murakkab* mengikuti kaedah yang sama seperti dalam '*adad mufrad*, iaitu berlawanan dengan *ma'dud* dari segi gender. Ini bermakna, apabila *ma'dud* adalah *mudhakkar*, bahagian '*nayf*' akan berada dalam bentuk *mu'annath*.

Sebaliknya, bahagian '*iqdu*' digunakan mengikut pola yang sama dengan *ma'dud*. Jika *ma'dud* adalah *mudhakkar*, '*iqdu*' juga akan digunakan dalam bentuk *mudhakkar* (عشر). Jika *ma'dud* adalah *mu'annath*, '*iqdu*' akan berada dalam bentuk *mu'annath* (عشرة). Adapun *ma'dud* berada dalam bentuk *isim mufrad* dan *manşub* sebagai *tamyiz*.

<i>Mudhakkar</i>		<i>Mu'annath</i>	
Ma'dud	'adad	Ma'dud	'adad
رَجُلًا	ثَلَاثَةَ عَشَرَ	امْرَأَةً	ثَلَاثَ عَشْرَةَ
رَجُلًا	تِسْعَةَ عَشَرَ	امْرَأَةً	تِسْعَ عَشْرَةَ

'Adad 'Uqud

Adad 'Uqud adalah isim '*adad* puluhan yang merujuk kepada kata bilangan dari عشرون (dua puluh) hingga تسعون (sembilan puluh). Sebahagian ahli nahu menyebutnya sebagai عدد مفرد ('*Adad Mufrad*) kerana ia bukan *Mudhaf* dan juga bukan *Murokkab*.

<i>Mudhakkar</i>		<i>Mu'annath</i>	
Ma'dud	'adad	Ma'dud	'adad
رجلاً	عشرون	امراًة	عشرون
شهرًا	خمسون	نعمجة	تسعون

Adad 'Uqud juga merujuk kepada bilangan yang kekal dengan pola yang sama iaitu *mulhaq jama' mudhakkar salim* seperti (عشرون - ثلاثون - أربعون). Bilangan ini digunakan untuk menerangkan sesuatu yang berbilang (*ma'dud*) samaada *mudhakkar* atau *mua'nnath*. Apabila ia berada dalam keadaan *marfu'*, '*adad* menggunakan pola (عشرون - ثلاثون - أربعون). Manakala, apabila ia berada dalam keadaan *mansub* atau *majrur*, '*adad* menggunakan pola عشريين - ثلاثين (- أربعين). Adapun *ma'dud* ialah *isim mufrad* dalam keadaan *mansub* sebagai *tamyiz*.

'Adad Ma'tuf

'*Adad Ma'tuf* adalah *Isim 'Adad* susunan '*Athaf* merujuk kepada bilangan yang terletak di antara dua '*adad*, yang digabungkan dengan huruf '*athaf* (*waw*). Ia merangkumi bilangan-bilangan dalam lingkungan puluhan seperti واحد وعشرون (dua puluh satu) اثنان وعشرون (dua puluh dua), dan seterusnya hingga تسعة وتسعون (sembilan puluh sembilan).

Terdapat tiga bahagian utama dalam *adad ma'tuf*:

- Ma'tuf: lafaz '*uqud* seperti عشرون
- Ma'tuf alaih: lafaz '*adad mufrad* sebelum *waw* seperti واحد
- '*Athaf*: kata hubung seperti *waw* yang menghubungkan dua bilangan.

Dari aspek gender dan bilangan, *isim 'adad* yang menunjukkan jumlah satu dan dua perlu selari dengan *ma'dudnya*. Manakala '*adad ma'tuf* yang bermula dengan jumlah tiga hingga sembilan mengikut kaedah '*adad mufrad* adalah tidak selari dengan *ma'dudnya* dari aspek gender. Kedudukan *ma'dud* dalam keadaan *mansub* tetap sebagai *tamyiz*.

<i>Mudhakkar</i>		<i>Mu'annath</i>	
Ma'dud	'adad	Ma'dud	'adad
رَجُلًا	ثَلَاثَةٌ وَأَرْبَعُونَ	امْرَأَةً	ثَلَاثٌ وَأَرْبَعُونَ
رَجُلًا	تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ	امْرَأَةً	تِسْعٌ وَتِسْعُونَ

Analisis Kekekrapan Penggunaan 'Adad dalam Hadith Sahih Bukhari

Berdasarkan rujukan daripada *Maktabah Syamilah*, terdapat kekekrapan penggunaan 'adad dalam hadith Sahih Bukhari mengikut jenis-jenis 'adad. Berikut adalah jadual kekekrapan:

'Adad Mufrad

Jadual 1 (عشرةً hingga واحدٌ)

'Adad	Kekekrapan	Bab dan Nombor Hadith
واحدٌ (satu)	10	بابُ مَا جَاءَ فِي صِفَةِ الْجَنَّةِ 3245: بابُ مَنْ طَافَ عَلَى نِسَائِهِ فِي غُسْلٍ وَاحِدٍ: 5215 بابُ: يَقْبِضُ اللَّهُ الْأَرْضَ 6512: بابُ حَجَّةِ الْوُدَاعِ 4404: بابُ خَيْرِ مَالِ الْمُسْلِمِ عَتَمَ: 3319 بابُ مَنَاقِبِ فُرَيْشٍ: 3502 بابُ لَا يُلَدِّعُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرِ مَرَّتَيْنِ: 6133 بابُ الْمُؤْمِنُ يَأْكُلُ فِي مَعَى وَاحِدٍ: 5397 كِتَابُ الْأَشْرَبَةِ: 5577 كِتَابُ الشَّرَكَةِ: 2486 بابُ إِذَا قَتَلَ نَفْسَهُ خَطَاً فَلَا دِيَّةَ لَهُ: 6891
اثنان (dua)	1	بابُ عَزْوَةِ سَيْفِ الْبَحْرِ: 4361 بابُ فِي كَيْفِ يُقْرَأُ الْقُرْآنُ: 5051 بابُ نَقْضِ شَعْرِ الْمَرْأَةِ: 1260 بابُ الْإِطْعَامِ فِي الْفِدْيَةِ يَنْصَفُ صَاعٍ: 1826 كِتَابُ اللَّيَاسِ: 5884 كِتَابُ الْأَطْعِمَةِ: 5365 بابُ الْكَفَنِ وَلَا عِمَامَةَ: 1284 بابُ قَوْلِ النَّبِيِّ ﷺ لِلْأَنْصَارِ: 3785 كِتَابُ بَدْءِ الْخَلْقِ: 3361 بابُ فَضْلِ الْجِهَادِ وَالسَّيْرِ: 3076 بابُ الرُّكْعَةِ الْأُولَى فِي الْكُسُوفِ أَطْوَلُ: 1064 بابُ إِيْمٍ مَنْ عَاهَدَ ثُمَّ عَدَرَ: 3178 بابُ الْعِمْرَةِ: 1790 بابُ فِي الْجَنَائِزِ: 1342
ثلاثة (tiga)		
أربعة (empat)	8	

		باب بدء الأذان: 705
		كتاب الأَطْعِمَةِ: 5435
		باب شرب اللبن: 5610
		باب التَّقْنَع: 5807
		كتاب زَكَاة: 1447
خمسة (lima)	4	كتاب بدء الخلق: 3221
		كتاب المغازي: 4356
		كتاب الوضوء: 201
		باب المحصر: 1814
ستة (enam)	5	باب إذا انقلبت الدابة في الصلاة: 1219
		كتاب الجنائز: 1351
		كتاب فرض الخمس: 3093
		كتاب الحج: 1586
		كتاب الطب: 5672
		باب إذا اختلأوا في الطريق الميتاء: 2486
		كتاب الدعوات: 6395
		كتاب الأَطْعِمَةِ: 5404
سبعة (tujuh)	10	كتاب الذبائح والصيّد: 5495
		كتاب الأَطْعِمَةِ: 5388
		باب بدء الأذان: 818
		فضائل القرآن: 4978
		باب فضائل أصحاب النبي: 3847
		باب السجود على سبعة أعظم: 810
ثمانية (lapan)	3	باب منزل النبي ﷺ يوم الفتح: 4292
		باب ما جاء في زعموا: 6158
		باب صفة أبواب الجنة: 3257
		باب غزوة مؤتة من أرض الشام: 4266
تسعة (sembilan)	4	كتاب الشروط: 2729
		باب غزوة العسيرة أو العسيرة: 4254
		كتاب المغازي: 4052
		كتاب التوحيد: 7507
		كتاب المحاربين من أهل الكفر والردة: 6856
عشرة (sepuluh)	6	كتاب المحاربين من أهل الكفر والردة: 6857
		باب ما جاء في الرقاق: 6580
		باب حرص الثمر: 1493
		باب الركعتان قبل الظهر: 1180

Jadual 2 (ألف hingga مائة)

‘Adad	Kekerapan	Bab dan Nombor Hadith
مائة (seratus)	2	باب عتق المشرك: 2553 باب ما جاء في الرقاق: 6562

ثَلَاثِمِائَةٍ (tiga ratus)	1	كِتَابُ الدَّبَائِحِ وَالصَّيْدِ: 5490
خَمْسِمِائَةٍ (lima ratus)	1	بَابُ الشُّفْعَةِ: 2272
سِتِّمِائَةٍ (enam ratus)	1	كِتَابُ التَّفْسِيرِ: 3840
سَبْعِمِائَةٍ (tujuh ratus)	1	بَابُ مَا جَاءَ فِي الرَّفَاقِ: 6563
أَلْفٌ (seribu)	2	بَابُ وُجُوبِ الزَّكَاةِ: 1511 كِتَابُ الوَصَايَا: 2791
تِسْعَةُ أَلْفٍ (sembilan ribu)	1	بَابُ فِي تَرْكِ الحَيْلِ: 6986
عَشْرَةَ أَلْفٍ (sepuluh ribu)	1	بَابُ العِنَقِ وَفَضْلِهِ: 2531

'Adad Murakkab

Jadual 3

'Adad	Kekerapan	Bab dan Nombor Hadith
أَحَدَ عَشَرَ (sebelas)	2	بَابُ فَرَضِ الخُمُسِ: 3144 بَابُ المَنَاقِبِ: 3565
اِثْنًا عَشَرَ (dua belas)	2	كِتَابُ التَّفْسِيرِ: 4539 كِتَابُ الأَضَاحِي: 5546
ثَلَاثَ عَشْرَةَ (tiga belas)	3	بَابُ فَضَائِلِ أَصْحَابِ النَّبِيِّ: 3893 بَابُ التَّهَجُّدِ بِاللَّيْلِ: 1147 مَا جَاءَ فِي الإِصْلَاحِ بَيْنَ النَّاسِ: 2276
أَرْبَعَ عَشْرَةَ (empat belas)	1	كِتَابُ الصَّلَاةِ: 432
خَمْسَةَ عَشَرَ (lima belas)	1	كِتَابُ الصَّوْمِ: 1963
سِتَّةَ عَشَرَ (enam belas)	1	بَابُ مَا جَاءَ فِي خَبَرِ الوَاحِدِ الصَّدُوقِ: 7248
سَبْعَةَ عَشَرَ (tujuh belas)	1	بَابُ مَا جَاءَ فِي خَبَرِ الوَاحِدِ الصَّدُوقِ: 7248
عَشْرَةَ ثَمَانِي (lapan belas)	2	فَضَائِلُ القُرْآنِ: 5032 بَابُ فَضْلِ الجِهَادِ وَالسَّيْرِ: 2999
تِسْعَ عَشْرَةَ (sembilan belas)	2	بَابُ عَزْوَةِ العُشَيْرَةِ: 4385 بَابُ عَزْوَةِ العُشَيْرَةِ: 4280

'Adad 'Uqud

'Adad	Kekerapan	Bab dan Nombor Hadith
عَشْرُونَ (dua puluh)	2	بابُ وُجُوبِ الزَّكَاةِ: 1465 بابُ بَدْءِ الْأَذَانِ: 784 كِتَابُ بَدْءِ الْخَلْقِ: 3250
ثَلَاثُونَ (tiga puluh)	2	بابُ فَضْلِ الْجِهَادِ وَالسَّبِيْرِ: 2831 كِتَابُ الْهَيْبَةِ وَفَضْلِهَا: 2648
أَرْبَعُونَ (empat puluh)	2	كِتَابُ اللَّيَاسِ: 5907 كِتَابُ اسْتِنْدَانِ: 6261
خَمْسُونَ (lima puluh)	2	بابُ مَا جَاءَ فِي الْوَثْرِ: 1004 كِتَابُ الْاسْتِنْدَانِ: 6233
سِتُّونَ (enam puluh)	2	كِتَابُ الْأَدَبِ: 6169 كِتَابُ اللَّيَاسِ: 5812
سَبْعُونَ (tujuh puluh)	2	بابُ مَا جَاءَ فِي الرَّقَاقِ: 6540 بابُ الْمَنَاقِبِ: 3571
ثَمَانُونَ (lapan puluh)	2	كِتَابُ الْإِسْتِنْدَانِ: 6306
تِسْعُونَ (sembilan puluh)	1	كِتَابُ الْإِيمَانِ وَالنُّزُورِ: 6727

'Adad Ma'tuf

Jadual 4

'Adad	Kekerapan	Bab dan Nombor Hadith
واحد وعشرون (dua puluh satu)	1	كِتَابُ الصَّوْمِ: 2037
تِسْعَ وَعَشْرُونَ (dua puluh sembilan)	2	كِتَابُ النِّكَاحِ: 5193 كِتَابُ الصَّوْمِ: 1918
ثَلَاثَ وَثَلَاثُونَ (tiga puluh tiga)	1	كِتَابُ الدَّعَوَاتِ: 6326

Berdasarkan jadual diatas, semua jenis 'adad mempunyai contoh penggunaannya dalam hadith Sahih Bukhari. 'Adad mufrad antara واحد dan عشرة paling banyak digunakan iaitu sebanyak 61 kali. Manakala 'adad mufrad مائة dan ألف diulang sebanyak 10 kali. Sementara 'adad murakkab dan 'adad 'uqud masing-masing sebanyak 15 kali pengulangan. 'Adad ma'tuf pula dikesan sebanyak 4 kali sahaja.

Dapatan Kajian

Penerapan Kaedah ‘Adad wa Ma‘dud dalam Hadith Sahih Bukhari

Sub topik ini membincangkan contoh-contoh hadith dari Sahih Bukhari yang mengandungi padanan ‘adad dan ma‘dud berdasarkan pembahagian bab-bab dalam perbincangan ‘adad dan ma‘dud.

‘Adad اثنان (dua) واحد (satu)

Sabda Nabi S.A.W:

قُلُوبُهُمْ قَلْبٌ وَاحِدٌ

Maksudnya: “hati-hati mereka satu” (riwayat Bukhari: 3245)

Kajian mendapati terdapat penggunaan ‘adad *mufrad* واحد (satu) dalam ayat ini yang berfungsi sebagai penguat ayat dan na‘at kepada قَلْبٌ. Isim ‘adad واحد tidak disebut pada awal ayat kerana lafaz قَلْبٌ itu sendiri telah menunjukkan jenis dan bilangannya walaupun tanpa menyebut ‘adad واحد selepasnya. Dalam ayat ini, ‘adad واحد digunakan dalam bentuk *mudhakkar* untuk padanan kepada قَلْبٌ, yang juga *mudhakkar*. Oleh itu, terdapat kesesuaian yang betul antara ‘adad dan ma‘dud dari segi gender.

Terdapat hadith lain juga yang mengandungi ‘adad *mufrad* واحد (satu) اثنان (dua), antaranya:

تَكُونُ الْأَرْضُ يَوْمَ الْفِيَامَةِ خُبْرَةً وَاحِدَةً

“Bumi ini di hari kiamat akan menjadi sepotong roti” (riwayat Bukhari: 6520)

لَا يَقْضِيَنَّ حَكْمَ بَيْنِ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضَبَانُ

“Seorang hakim dilarang memutuskan antara dua orang ketika marah” (riwayat Bukhari: 6625)

‘Adad عشرة (sepuluh) ثلاثة (tiga)

Sabda Nabi S.A.W

وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ مِنَ التَّمْرِ صَدَقَةٌ، وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسِ أَوْاقٍ مِنَ الْوَرَقِ صَدَقَةٌ

Maksudnya: “Tiada kewajipan zakat pada kurma yang kurang dari lima ausuq (wasuq) dan tiada kewajipan zakat pada perak yang kurang dari lima uqiyah (awaqin)” (riwayat Bukhari: 1447)

Dalam ayat ini terdapat dua penggunaan ‘*adad mufrad* iaitu *أَوَاقٍ خَمْسَةٍ* dan *خَمْسَةَ أَوْسُقٍ*. Pertama, penggunaan ‘*adad mu’annath* dalam ayat ini digunakan adalah kerana bilangan *ma’dudnya mudhakkar* iaitu *أَوْسُقٍ*. Kedua, ‘*adad* yang berbentuk *mudhakkar* digunakan kerana *ma’dudnya* adalah jamak kepada perkataan *أَوَاقٍ*, yang merupakan kata nama *mu’annath* dalam bentuk mufrad iaitu *أَوْقِيَةٌ*. Kedua-dua situasi ini datang dalam keadaan *kasrah majrur* sebagai *mudaf ilaihi*.

Terdapat hadith lain juga yang mengandungi ‘*adad mufrad* *ثَلَاثَةَ* (tiga) hingga *عَشْرَةَ* (sepuluh), antaranya:

فِي الْجَنَّةِ ثَمَانِيَةَ أَبْوَابٍ

“Di syurga ada lapan pintu” (riwayat Bukhari: 3263)

حَفِظْتُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ رَكَعَاتٍ

“Aku menghafal sesuatu dari Nabi sallallahu 'alaihi wasallam iaitu solat sunat sepuluh raka'at” (riwayat Bukhari: 1187)

‘Adad مائة (seratus) dan ألف (seribu)

Sabda Nabi S.A.W:

فَلَمَّا أَسْلَمَ حَمَلَ عَلَى مِائَةِ بَعِيرٍ وَأَعْتَقَ مِائَةَ رَقِيْبَةٍ

Maksudnya: “Setelah dia masuk Islam dia membawa seratus unta untuk membebaskan seratus budak.” (riwayat Bukhari: 2553)

Kajian mendapati terdapat penggunaan ‘*adad mufrad* *مائة* dalam ayat ini. ‘*Adad* ini digunakan dalam satu bentuk sahaja sama ada ketika *mudhakkar* atau *mu’annath*. *Ma’dud* pula ialah kata nama tunggal (*mufrad*) dalam keadaan *majrur* sebagai *mudaf ilaihi*. Terdapat beberapa hadith lain juga yang mengandungi ‘*adad mufrad* *مائة*(seratus) dan *ألف* (seribu) antaranya:

رَأَى جِبْرِيْلَ لَهُ سِتْمِائَةِ جَنَاحٍ

“Nabi (ﷺ) telah melihat Jibrail memiliki 600 sayap” (riwayat Bukhari:4840)

أَنَّهُ ذَكَرَ رَجُلًا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ سَأَلَ بَعْضَ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنْ يُسَلِّفَهُ أَلْفَ دِينَارٍ

“Seseorang dari Bani Israil meminta pinjaman kepada salah seorang dari Bani Israil sebanyak seribu dinar.” (riwayat Bukhari:2302)

‘*Adad* **أحد عشر** (sebelas) dan **اثنا عشر** (dua belas)

Sabda Nabi S.A.W:

مَا كَانَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً

Maksudnya: “Beliau solat (qiyamul lail) pada bulan Ramadhan dan bulan-bulan lainnya tidak lebih dari sebelas rakaat” (riwayat Bukhari:3565)

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, ‘*adad* **أحد عشر** (sebelas) dan **اثنا عشر** (dua belas) sentiasa selari dengan *ma’dud* dari segi gender. Manakala *ma’dud* pula berbentuk *isim mufrad* dalam keadaan *manṣub* dan ia berfungsi sebagai *tamyiz*. Dalam ayat ini, *ma’dud* ialah *isim mua’nnath*, jadi ‘*adad murakkab* juga digunakan dalam bentuk *muannath*. Antara ayat lain yang mengandungi ‘*adad murakkab* dalam kategori ini ialah:

وَلَمْ يَبْقَ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ غَيْرُ اثْنِي عَشَرَ رَجُلًا

“Pada waktu itu tidak ada yang bersama Rasulullah SAW kecuali hanya dua belas orang” (riwayat Bukhari:4539)

‘*Adad* **ثلاثة عشر** (Tiga belas) hingga **تسعة عشر** (Sembilan belas)

Sabda Nabi S.A.W:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ غَزَا تِسْعَ عَشْرَةَ غَزْوَةً

Maksudnya: “Rasulullah (ﷺ) bertempur dengan sembilan belas pertempuran” (riwayat Bukhari: 4385)

Penggunaan ‘*adad murakkab* dalam ayat di atas adalah **تِسْعَ عَشْرَةَ**. Perkataan **تِسْعَ** merupakan **تَيْف** (tambahan) kepada **عَشْرَةَ**. Ini kerana ia berlawanan dengan *ma’dud* **غَزْوَةً** yang merupakan *isim mu’annath*. Manakala pola *mu’annath* **عَشْرَةَ** digunakan pada bahagian **عَفْدُ** yang merujuk kepada bilangan sepuluh atau kumpulan sepuluh. Perkataan **غَزْوَةً** adalah *ma’dud* yang datang dalam bentuk *mufrad mansub* dan berfungsi sebagai *tamyiz*. Antara ayat lain yang mengandungi ‘*adad murakkab* dalam kategori ini ialah:

صَلَّى نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا

“Beliau solat menghadap Baitul Maqdis selama enam belas atau tujuh belas bulan” (riwayat Bukhari:7248)

مَاتَتْ أُمِّي وَعَلَيْهَا صَوْمٌ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا

“sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia, dan dia memiliki hutang puasa selama lima belas hari” (riwayat Bukhari:1963)

‘Adad Uqud

Sabda Nabi S.A.W:

أَرْبَعُونَ خَصْلَةً أَعْلَاهُ مَنِيحَةُ الْعَنْزِ

Maksudnya: “Ada empat puluh kebaikan, yang paling tinggi adalah memberi seekor kambing” (riwayat Bukhari: 2648)

فَأَطْعِمُ سِتِّينَ مِسْكِينًا

Maksudnya: “Berilah makan enam puluh orang miskin” (riwayat Bukhari: 6169)

Terdapat dua contoh hadith yang berbeza dalam penggunaan ‘adad ‘uqud, iaitu أَرْبَعُونَ dan سِتِّينَ. Ia merupakan *mulhaq jamak mudhakkar salim* yang digunakan berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Contoh hadith pertama, ‘adad ‘uqud berada dalam keadaan *marfu’* sebagai *khobar* iaitu أَرْبَعُونَ. Manakala contoh hadith kedua, disebabkan ‘adad uqud berada dalam keadaan *manṣub* sebagai *maf’ul bih*, jadi ‘adad سِتِّينَ digunakan sebagai *manṣub*. Ma’dud dalam kedua-dua ayat iaitu أَرْبَعُونَ dan سِتِّينَ datang dalam bentuk *mufrad manṣub* berfungsi sebagai *tamyiz*. Kajian mendapati terdapat contoh lain yang mengandungi ‘adad uqud dalam kategori ini, antaranya:

يَعْرِقُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَذْهَبَ عَرْفُهُمْ فِي الْأَرْضِ سَبْعِينَ ذِرَاعًا

“Kelak pada hari kiamat seluruh manusia mengucurkan peluh, sampai ada peluh mereka membasahi bumi tujuh puluh hasta” (riwayat Bukhari: 6540)

فَتَوَضَّأَ الْقَوْمُ كُلُّهُمْ جَمِيعًا قُلْتُ كَمْ كَانُوا قَالَ ثَمَانُونَ رَجُلًا

“Mereka pun dapat berwudhu. Aku (Humaid) bertanya: "Berapa jumlah mereka ketika itu?" Dia (Anas) menjawab: "lapan puluh orang."” (riwayat Bukhari:3571)

'Adad Ma'tuf

Sabda Nabi S.A.W:

الشَّهْرُ تِسْعَ وَعِشْرُونَ لَيْلَةً

Maksudnya: “Bulan (Sya'ban) itu dua puluh sembilan malam” (riwayat Bukhari:1918)

Dalam ayat di atas, rangkaian kata yang terdiri daripada *isim ma'tuf*, *waw 'atf* dan *ma'tuf 'alayhi* tersusun bersesuaian dengan padanan *ma'dud* yang *mu'annath*. Penggunaan *'adad ma'tuf* yang bermula dengan jumlah tiga hingga sembilan mengikut kaedah *'adad mufrad* adalah tidak selari dengan *ma'dudnya* dari aspek gender. *'Adad تِسْعَ* digunakan kerana perkara yang dihitung iaitu *لَيْلَةً* adalah *mu'annath*. Manakala *ma'tuf 'alayhi* berada dalam keadaan *marfu'* kerana ia merupakan *ma'tuf 'alayhi* kepada *'adad تِسْعَ*. *Ma'dud* dalam ayat ini datang dengan pola *mufrad* dalam keadaan *mansub* yang berfungsi sebagai *tamyiz*.

Kajian mendapati terdapat contoh lain yang mengandungi *'adad ma'tuf* dalam kategori ini, antaranya:

لِلَّهِ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ اسْمًا

“Allah swt memiliki 99 nama.” (riwayat Bukhari: 6418)

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, semua jenis *'adad* iaitu *'adad mufrad*, *'adad murakkab*, *'adad uqud* dan *'adad ma'tuf* mempunyai padanan yang terdapat dalam hadith sahih bukhari seperti yang dibincangkan dalamatabahasa Arab. Kajian mendapati bahawa pembelajaran dalam konteks tajuk *'adad wa ma'dud* ini adalah sangat relevan kerana keseluruhan bahagian *'adad* yang dibincangkan dalam kajian ini mempunyai contoh-contoh yang telah diambil daripada matan-matan hadith Sahih Bukhari. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa proses pembelajaran kaedah *'adad wa ma'dud* boleh dilaksanakan berdasarkan hadith. Ini kerana ia merupakan salah satu sumber rujukan utama dalam Islam, selain al-Quran.

Pengkaji mencadangkan kepada para pelajar untuk menghafal satu contoh matan hadith sahih Bukhari dalam setiap bahagian *'adad* sebagai panduan dan rujukan untuk mengingati peraturan *'adad* tersebut. Ini merupakan pendekatan yang sangat baik untuk membantu pelajar bukan sahaja mengingati peraturan *'adad* tetapi juga dapat mengaplikasikan secara praktikal. Dengan ini, kajian akan menyenaraikan contoh-contoh daripada matan hadith sahih Bukhari yang berkaitan dengan *'adad dan ma'dud* mengikut pembahagian bab-bab dalam perbincangan *'adad dan ma'dud* sebagai panduan untuk pelajar.

Jadual 5 Senarai contoh daripada matan hadith sahih Bukhari yang berkaitan dengan *'adad dan ma'dud*.

Jenis <i>'adad</i>	Contoh ayat
<i>'adad mufrad</i> 1 dan 2	قُلُوبُهُمْ قَلْبٌ وَاحِدٌ
<i>'adad mufrad</i> 3 hingga 10	فِي الْجَنَّةِ ثَمَانِيَةَ أَبْوَابٍ
<i>'adad mufrad</i> 100	رَأَى جِبْرِيْلَ لَهُ سِتْمِائَةَ جَنَاحٍ
<i>'adad murakkab</i> 11 dan 12	وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً
<i>'adad murakkab</i> 13 hingga 19	مَا تَنَتْ أُمَّي وَعَلَيْهَا صَوْمٌ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا
<i>'adad 'uqud</i>	فَأَطْعِمُ سَبْتَيْنِ مَسْكِينًا
<i>'adad ma'tuf</i>	الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ لَيْلَةً

Berdasarkan jadual berikut, kemapanan kaedah *'adad wa ma'dud* dalam hadith sahih Bukhari dapat dilihat melalui ketepatan penerapan kaedah tersebut. Penerapan ayat-ayat tertentu sebagai panduan untuk mengajarkan suatu topik yang sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar adalah pendekatan yang sangat efektif. Ini menunjukkan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan menggunakan hadith sahih Bukhari.

Dengan menggunakan ayat-ayat tertentu sebagai panduan dan rujukan, pelajar dapat menghubungkan konsep-konsep yang mereka pelajari dengan contoh-contoh yang jelas dan relevan. Ini membantu mereka bukan hanya menghafal maklumat dengan lebih baik tetapi juga memahami cara menerapkannya dalam konteks yang berbeza.

Kesimpulan

Kaedah *'adad wa ma'dud* berpandukan hadith sahih Bukhari adalah lengkap mengikut tatabahasa Arab yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Hadith sahih Bukhari didapati sangat efektif untuk diterapkan dalam proses pembelajaran, terutamanya berkaitan topik yang memerlukan perhatian yang lebih mendalam. Penggunaan *'adad wa ma'dud* dalam hadith bukan sahaja memperkukuh kefahaman terhadap tatabahasa, malah ia juga menyediakan asas yang kukuh bagi pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Dengan menjadikan hadith Sahih Bukhari sebagai rujukan utama, pelajar dapat menghubungkan teori dengan praktikal, meningkatkan keupayaan mereka untuk mengingat, memahami, dan mengaplikasikan konsep ini, sekaligus memperkaya ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian hadith.

Namun begitu, penulisan ini masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam agar ia dapat dikembangkan dengan lebih baik. Oleh yang demikian, kajian mencadangkan agar penulisan akan datang dapat dilaksanakan melalui pendekatan kuantitatif untuk melihat keberkesanan penggunaan hadith Sahih Bukhari dalam memahami kaedah *'adad wa ma'dud* terhadap pelajar bahasa Arab.

Rujukan

- Abbas, H. (t.th.). *Nahu al-Wafiy* (Jilid 4, hlm. 517–566). Beirut: Dar Al-Ma‘arif.
- Abdullah, F. (1995). *Dalil Salik ila Alfiah Ibnu Malik*, (Jilid 3, hlm. 93–115) Riyadh: Dar al-Muslim.
- Abdullah Ibnu, S. F. (t.th.). *Dalil Al- Salik Ila Alfiah Ibnu Malik*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Abdullah, M. bin I. bin I. (2012). *Kitab Sahih al-Bukhari, Al-Jami’ Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar* (Cetakan Pertama). Kaherah: Dar al-Ta’sil.
- Ahmad, M., Mustafa, N., & Muhammad, H. (1994). *Nahu Asasiy* (565-577) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asiah, K., & Ibrahim, T. (2018). *Al-Shabiyah al-Dimuqrāṭiyyah al-Jazā’iriyah al-Jumhūriyyah al-‘Ilmī wa al-Baḥth wa al-Ta’līm al-‘Ālī Wizārat Qāsidī Murbaḥ Jāmi‘ah - Warqalah - Kulliyat al-Ādāb wa al-Lughāt Qism al-Lughah al-‘Arabiyyah wa al-Adab al-‘Arabī ‘Unwān: Istikmāl Maṭālib Shahādat al-Māstir fī al-Lughah wa al-Adab al-‘Arabī Muqaddamah Mudhakkarah Lisāniyyāt ‘Arabiyyah*.
- Che Ku Nor Asiah, C. K. M., Abdul Rauf, H., Abdul Halim, M., & Nik Farhan, M. (2019). *The Effects of Gamification Approach to Al ‘Adad Wa Al Ma’dud Among Students*. In *Journal al-Muqaddimah* (Vol. 7, Issue 1). 11-22.
- Fadhil, S. (2014). *Nahu ‘Arabi Ahkam wa Ma’an* (Jilid 2, hlm. 483–490). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hussin, M., & Marosadee, A. H. (2019). *The Development Of Adad And Ma’dud Learning Module Guided By Qur’anic Verses*. *Issues in Language Studies*, 8(1), 85–103. <https://doi.org/10.33736/ils.1411.2019>. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hussin, M., & Sukki, M. (2018). *Mengatasi Miskonsepsi Pembelajaran ‘Adad dan Ma’dud Melalui Pendekatan Nahu Al-Quran*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibnu Hajar, A. A. (t.th.). *Fathul Baari*, Penjelasan Kitab Sahih Bukhari (B. Syaikh Abdul Aziz Abdullah, Ed.).
- Ismail, Z., Hussin, M., & Supriyanto, T. (2021). *Effectiveness of ‘Adad And Ma’dud Learning Module*. ejournal.uin-malang.ac.id/index.php/ijazarabi/index.
- Jamaluddin Muhammad. (1990). *Syarah al-Tashil* (Jilid 2, hlm. 392–423). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mohamad Hussin, & Mohd Sukki Othman. (2018). *Mengatasi Miskonsepsi Pembelajaran ‘Adad Dan Ma’dud Melalui Pendekatan Nahu Al-Quran*.
- Mohd Zulkifli, M., Harun, B., & Siti Fatimah, S. (2015). *Kaedah penguasaan mufradat bahasa arab melalui ayat lazim berasaskan hafazan al-Quran: tinjauan awal*. *SQ 2015 eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 10-11 October 2015*. *Faculty of Islamic Contemporary Studies, Unisza*. <https://www.researchgate.net/publication/307174068>
- Muhammad Muhyiddin, A. Ha. (1980). *Syarah Ibnu Aqil* (Jilid 4, hlm. 67–99). Kaherah: Dar al-Ma‘arif.

- Muhammad, S. 'Asimin. (t.th.). *Syarah Alfiah* (Jilid 3, hlm. 515–516). Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Nik Safiah, K., Farid M, O., Hashim, H. M., & Abdul Hamid, M. (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurazizah, M. & Harun, B. (2016). *Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif Abad ke 21 Ism al 'adad wa al-ma 'dud di Sekolah Menengah*.
<https://www.researchgate.net/publication/318126076>
- Rohman, M. J. (2017). *'Adad dan Ma 'dud dalam Buku Al-Ghayatu Wa At-Taqrib. (Analisis Sintaksis)*. Skripsi. Program Studi Pendidikan Bahasa Arab, Jurusan Bahasa dan Sastra Asing, Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Semarang.